KM puji ahli kariah MS 2

KN sedia ambil alih feri MS 6

Jejantas sotong jangka siap Nov. MS 24

buletin Mutiara

PERCUMA

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 MAC 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

Mammo Penang, jaga kesihatan wanita P. Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN LILIAN**

DR. Afif Bahardin (lima dari kiri) dan Beh Chun Chuan (enam dari kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bertukar-tukar dokumen pada Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Perkhidmatan Pemeriksaan Program Mammogram Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – *BP Healthcare* dilantik sebagai pelaksana pemeriksaan mamogram menerusi program *Mammo Penang* secara percuma ke atas pengundi wanita berdaftar berumur 35 tahun dan ke atas di negeri ini, mulai 28 Februari lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk membiayai kos pemeriksaan kanser payudara dalam tempoh tiga tahun ini.

"*Mammo Penang* dijangka berterusan sehingga 2018 dengan jangkaan awal seramai 23,280 peserta," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada sidang media, selepas Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Perkhidmatan Pemeriksaan Program Mammogram Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Mewakili Kerajaan Negeri, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyerahkan Surat Setuju kepada Presiden BP Healthcare, Datuk Beh Chun Chuan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) dan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) turut menyaksikan majlis tersebut.

Justeru, Guan Eng memberitahu, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), 'Penang Sihat' dan '*Pink Penang*' dilantik sebagai kumpulan sokongan rasmi, demi menjayakan kempen kebajikan terbaru ini.

Kempen tersebut, tambahnya, akan meliputi semua Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), pada setiap hujung minggu, hari Sabtu dan Ahad.

"Sekiranya program ini mendapat sambutan yang menggalakkan, Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakan program ini pada hari bekerja," jelas beliau.

Difahamkan, sebanyak 19 daripada setiap 100,000 kematian di seluruh negara adalah berpunca oleh barah payudara.

Satu daripada setiap 20 wanita di negara ini mempunyai risiko mengidap kanser payudara, sekaligus bersamaan dengan 700,000 orang.

Program terbaru khusus untuk wanita ini merupakan satu lagi janji dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) yang dikotakan oleh Kerajaan Negeri di Pulau Pinang, kini.

Bagi maklumat lanjut, hubungi *Pink Penang* pada talian 04 - 222 5318 atau 04 - 222 5327; Pejabat MMK Kesihatan (04 - 262 0862); PWDC (04 - 261 2835 atau 012 - 358 9063) dan BP Diagnostic Centre (04 - 229 2677 atau 04 - 226 3160).

Pelaburan di P. Pinang naik 93% berbanding sebelum 2008

BAYAN LEPAS – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pelaburan di Pulau Pinang dalam tempoh tujuh tahun (2008 sehingga 2014) menunjukkan peningkatan sebanyak 93 peratus menjadi RM48,211 juta, berbanding RM24,932 juta yang direkodkan dalam tempoh sama pada tahun 2001 – 2007.

"Perbandingan dalam tempoh tujuh tahun lebih adil, kita dapat RM48,211 juta (dalam tempoh 2008 hingga 2014), dan tujuh tahun sebelum 2008 hanya RM24,932 juta.

"Ini adalah perbezaan yang amat ketara tentang prestasi (Kerajaan Negeri) sekarang dan dulu," ujarnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Penjelasan Guan Eng itu sekaligus menolak dakyah pembangkang Pulau Pinang kononnya pencapaian yang diraih sekarang semuanya adalah hasil pembangunan infrastruktur pelaburan strategik oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 2008.

Justeru, Guan Eng menasihatkan pembangkang Pulau Pinang menerima hakikat bahawa Kerajaan Negeri yang ada hari ini jauh lebih berkualiti berbanding dulu.

Lampiran 1 : Jumlah Pelaburan Di Pulau Pinang (2001 – 2014).

Pemandu teksi pertama, kedua layak terima RM300 - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemandu pertama dan kedua bagi tiap-tiap teksi layak menerima RM300 insentif perkhidmatan daripada Kerajaan Negeri, pada kali ini.

"Kerajaan Negeri telah memutuskan insentif akan diberikan kepada pemandu pertama dan kedua setiap teksi.

"Ini, jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri yang bersifat *'people centric'*," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi Bajet, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Eksekutif, Teksi Mewah, Limousin dan Kereta Sewa Peringkat Pulau Negeri Pulau Pinang.

Majlis berasingan serupa turut diadakan peringkat Seberang Perai di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Seberang Jaya.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Teow dan Pengerusi Gabungan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang, Abd. Malik Darus turut berucap pada majlis di sini.

KETUA Menteri dan Abd. Malik Darus (barisan depan, tiga dari kanan) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus sambil memegang replika cek pada majlis sumbangan berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Air Itam) dan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang).

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri pada kali ini memperuntukkan sebanyak RM509,700 untuk disumbangkan kepada penerima insentif perkhidmatan berdaftar, iaitu 2,500 orang dari bahagian pulau dan baki, 392 dari Seberang Perai.

SEBAHAGIAN penerima terpilih yang menghadiri Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi Bajet, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Eksekutif, Teksi Mewah, Limousin dan Kereta Sewa Peringkat Pulau Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Selain itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada agensi persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) kerana bekerjasama menyediakan senarai nama penerima insentif perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri.

MOHD. Kamal Razali.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mempertikai langkah Kerajaan Pusat mengenakan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) kepada teksi yang melakukan servis di pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), mulai 1 April depan.

"Sudahlah kena GST, Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) pun nampaknya akan kenakan GST lagi, ini dinamakan dua kali mati," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Majlis pemberian insentif perkhidmatan berkenaan merupakan kali kelima diberikan kepada pemandu yang terpilih, sejak tahun 2013.

Difahamkan, pemandu tersenarai akan diberi insentif RM600 setahun, iaitu masing-masing RM300 pada awal tahun dan hujung tahun sebagai janji menifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) yang dikotakan Kerajaan Negeri hari ini.

Dalam pada itu, salah seorang penerima, **MOHD. KAMAL RAZALI,** 52, memberitahu, insentif tersebut sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri begitu menghargai sumbangan pemandu teksi di negeri ini.

"Alhamdulilah, dengan bantuan diterima, kita nampak Kerajaan Negeri prihatin dan ambil kisah kepada pemandu-pemandu seperti kami," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sabar dua ahli kariah dipuji, KM beri ganjaran

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN DALAM – Dua anak kariah yang berjaya menangkap dalang membaling bungkusan daging khinzir ke kawasan Masjid Jamek Telaga Air dekat kawasan Parlimen Bagan baru-baru ini diberi ganjaran daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dua anak kariah berkenaan, Muhamad Nazri Hashim, 44, dan Muhd. Hasmadi Ahmad Tuah, 24,

"Cara ahli kariah ini menangani masalah ini dengan penuh sensitiviti dan penuh kesabaran, saya rasa, itulah ajaran Islam yang sebenar.

"Inilah ajaran Islam, iaitu sebagai agama yang mengajar aman damai dan bukanlah tindakan provokasi seperti dipaparkan pihak-pihak tertentu," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini.

Muhamad Nazri Hashim (kiri sekali), Muhd. Hasmadi Ahmad Tuah (kanan sekali) dan Razuan Hashim (dua dari kiri) bergambar kenangan di perkarangan Masjid Jamek Telaga Air selepas selesai majlis sidang media.

Pada sidang media itu, Guan Eng turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM54,000 untuk tujuan pemasangan aksesori keselamatan seperti pagar dan lain-lain, sebagaimana dimohon oleh jawatankuasa kariah berkenaan di masjid berkaitan.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharen turut menyertai majlis ringkas itu.

Pemimpin Kerajaan Negeri turut dibawa oleh Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Telaga Air, Razuan Hashim melihat kawasan kejadian di sini.

Muhamad Nazri memberitahu, kejadian serupa berlaku sebanyak lapan kali dalam tempoh tiga bulan sebelum suspek terbabit berjaya diberkas.

KETUA Menteri menyerahkan sumbangan kepada Muhamad Nazri Hashim (empat dari kanan) dan Muhd. Hasmadi Ahmad Tuah (dua dari kanan) sambil diperhatikan barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri serta ahli kariah Masjid Jamek Telaga Air di sini baru-baru ini.

"Kita buat intipan tiap-tiap malam atas nasihat polis sendiri, sehinggalah tindakan suspek pada hari kejadian berjaya dihidu oleh Hasmadi (Muhd. Hasmadi) dan diberkas oleh ahli kariah.

"Kalau nak bising dan heboh, kita pun boleh buat provokasi tidak matang sebegitu, tetapi, ini bukan caranya," jelas Muhamad Nazri.

Tambah beliau, ahli kariah mengambil jalan bersabar dan terus membuat intipan kira-kira tiga bulan, susulan nasihat polis dan pemimpin kariah.

"Kami diberitahu bahawa siasatan polis mendapati suspek mempunyai masalah mental," ujarnya.

KM tanya mengapa sabit Anwar salah dikecam dunia

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

SEBERANG JAYA - Sabitan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada 10 Februari lepas memburukkan lagi imej Kerajaan Malaysia atau sebaliknya, tanya Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Mark Trowell umpamanya selaku pakar perlembagaan bagi Majlis Undang-Undang Australia merangkap wakil Kesatuan Antara Parlimen (IPU) sedunia berpengkalan di Geneva pun mempertikai keputusan Mahkamah Tinggi Persekutuan Putrajaya ke atas Anwar.

"Beliau (Mark Trowell) menyatakan bahawa mengapa hubungan rapat Mohd. Saiful Azlan Bukhari dengan seorang ahli politik dan pendakwa tidak diambil kira.

"Kalau ini (perbicaraan kes Fitnah Liwat II) berlaku di negara lain, serta-merta kes ini akan kena buang.

"Saya harap Kerajaan Malaysia boleh bertanya dengan diri sendiri, mengapa satu dunia kecam keputusan yang dibuat ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tidak ada satu negara yang menyokong keputusan (Mahkamah Tinggi Persekutuan) ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalau satu dunia cakap anda salah, takkan anda cakap satu dunia yang salah," tanya Guan Eng di depan lebih 1,000 hadirin pada Majlis Malam Sanjungan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa sabitan bersalah dalam Kes Liwat II tersebut adalah suatu konspirasi pihak tertentu, sebagaimana dalam peristiwa pemecatan Anwar sebagai timbalan perdana menteri pada tahun 1997 dulu.

Isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail serta anak sulungnya, Nurul Izzah Anwar turut berucap pada majlis penerangan yang dipengerusikan Dr. Afif Bahardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Mohamad Sabu (Ahli Lembaga Pengarah bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal merangkap Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Dato' Mansor Othman, Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Machang Bubok) dan Dr. Norlela Othman (ADUN Penanti).

Difahamkan, Mark Trowell dalam kenyataannya antara lain dilaporkan mengkritik ketetapan hakim berkelompok yang mengabaikan isu-isu kreadibiliti sekitar pengadu dan bukti-bukti utama sepanjang proses perbicaraan tersebut berlangsung.

Menurutnya, kesaksian Mohd. Saiful Bukhari disifatkan "cetek" memandangkan bekas pembantu peribadi Anwar itu mempunyai hubungan langsung dengan seorang ahli politik negara serta anggota tertentu daripada pihak pendakwaan.

Sebelum itu, Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai dalam ucapannya mengakui bahawa Anwar pernah menolak tawaran timbalan perdana menteri kerana kesetiaannya mahu bersama-sama Pakatan Rakyat (PR) dalam melangsungkan agenda reformasi menyeluruh dalam sistem pentadbiran tanah air kelak.

Kemuncak pada majlis perhimpunan itu adalah pelancaran kempen *"March To Freedom"* peringkat negeri, iaitu suatu pergerakan politik yang menggabungkan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) demi menuntut Kerajaan Malaysia menghentikan tahanan politik ke atas Anwar.

Dalam perkembangan terbaru, keluarga Anwar sendiri dilaporkan membuat petisyen pengampunan kepada Yang Di-Pertuan Agong, sebagaimana dibolehkan menurut Perkara 48(4) Perlembagaan Persekutuan.

ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) turut menyertai pelancaran kempen *"March To Freedom"* peringkat negeri bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Malam Sanjungan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini baru-baru ini.

DR. Wan Azizah Wan Ismail menyampaikan ucapan dengan penuh emosi.

P. Pinang tidak amal caj Pelarasan Deposit air seperti Kedah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Caj Pelarasan Deposit setinggi RM35 untuk tujuan pemotongan atau penyambungan semula bekalan air bersih yang dikuatkuasa oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA) di Kedah tidak akan diamalkan di negeri ini.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sama sekali tidak akan bersetuju dengan kenyataan Exco Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim yang berkata pelaksanaan caj Pelarasan Deposit diamalkan di seluruh negara.

"Saya ingin menegaskan di sini, ini (caj Pelarasan Deposit setinggi RM35) tidak diamalkan di Pulau Pinang," tegasnya yang juga Pengerusi PBAPP kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi Kedah, Tan Kok Yew (Derga) dan Teoh Boon Kok (Kota Darul Aman) turut menyertai sidang media itu.

Menurut Guan Eng, cadangan Badrol yang juga ADUN Kuala Nerang hanya menambahkan lagi beban kos sara hidup rakyat di Kedah.

"Sekiranya kena potong air atau tidak mereka akan kutip terlebih dahulu duit tersebut (RM70).

"Ini bermakna ia dikira sebagai wang pendahuluan tanpa faedah dan boleh simpan juta-juta tanpa faedah," tegas beliau yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Justeru, Guan Eng memberitahu, PBAPP masih mengekalkan polisi sedia ada, iaitu tiada apa-apa caj dikenakan untuk proses pemotongan bekalan air, manakala, RM10 untuk proses penyambungan semula kemudahan utiliti tersebut.

Sebelum itu, Kok Yew turut mempersoal amalan terbaru Kerajaan Negeri Kedah terbabit.

"Jangkaan kutipan akan meningkat kerana terdapat hampir 540,000 akaun pengguna.

"Ini adalah tidak patut, mengapa mereka (Kerajaan Negeri Kedah) nak ambil deposit ini...untuk apa kerajaan nak simpan duit ini," ujar Kok Yew.

Difahamkan, caj Pelarasan Deposit yang diamalkan di Kedah adalah berdasarkan Kajian Semula Deposit di bawah Peraturan 4, Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (deposit, fi dan caj perkhidmatan air) 2014, berkuatkuasa di negeri berkenaan mulai 1 Februari lepas.

Dalam perkembangan berkaitan, Kerajaan Negeri terus memenuhi impian rakyat Pulau Pinang menikmati tarif air terendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu pada kadar RM0.31 bagi setiap 1,000liter padu untuk 35,000 liter pertama.

Pengguna di negeri ini akan terus menikmati tarif air pada kadar terendah, manakala surcaj yang akan ditanggung oleh pembazir bekalan air bersih sahaja.

TAN Kok Yew (kiri) dan Teoh Book Kok menunjukkan contoh bil bekalan air yang dikeluarkan oleh SADA pada sidang media di sini baru-baru ini.

KN pandang serius pembangunan rumah mampu milik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

DATUK KERAMAT - Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan keperluan rakyat Pulau Pinang untuk memiliki kediaman sendiri terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah di negeri ini.

Oleh demikian, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat, sebaliknya mampu dimiliki melalui pelbagai usahasama dengan pemaju swasta.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, sehingga kini, melalui kerjasama kerajaan dan pihak pemaju swasta (*public-private partnerships*), Kerajaan Negeri telah berjaya merealisasikan impian berkaitan.

"Sebagai contoh, projek *Chelliah Park City* yang menawarkan sejumlah 1,323 unit rumah mampu milik pelbagai kos (mengikut keluasan) adalah hasil usahasama Kerajaan Negeri melalui PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan pemaju swasta Zubicon Sdn. Bhd..

"Malah, ada juga pemaju swasta yang menawarkan 100 peratus rumah mampu milik demi memenuhi permintaan rakyat, antaranya projek *One Foresta* di Bayan Baru, projek *Tri Pinnacle* di Tanjung Tokong, Arasia Perdana *(The Clovers)* di Sungai Ara dan projek Ramah Pavilion di Teluk Kumbar.

JAGDEEP Singh Deo (tengah) pada sidang media yang diadakan di sini baru-baru ini.

"Proses permohonan bagi kesemua projek ini sedang giat dijalankan sama ada di pejabat-pejabat pemaju ataupun melalui '*roadshow*' Program Mission Home Possible seperti yang diumumkan sebelum ini," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Selain itu, beliau turut mengumumkan senarai 10 projek perumahan paling popular di Pulau Pinang sepanjang Januari 2015 berdasarkan minat dan jumlah pemohon seperti yang diwar-warkan dalam laman sesawang, *penangpropertytalk.com*.

"Empat daripada projek yang tersenarai (dalam senarai ini) adalah projek perumahan yang telah saya umumkan baru-baru ini dan ia tersenarai dalam kedudukan empat teratas dengan *Tri Pinnacle* menduduki tangga pertama, diikuti, *One Foresta, Chelliah Park City* dan Ramah Pavillion.

NORHIKMAH Mohd. Helmy (tengah) menerima peralatan *Candy 4HD* daripada Jagdeep Singh Deo pada majlis khas yang diadakan baru-baru ini.

"Senarai ini sekali lagi membuktikan bahawa Kerajaan Negeri memandang serius pembangunan rumah mampu milik, tidak seperti PR1MA (Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia) yang masih 'dinanti-nantikan' sejak tahun 2012," ujar beliau.

Dalam pada itu, pada majlis sama, Jagdeep turut menyampaikan sumbangan alat bantuan penglihatan *Candy 4HD* kepada Norhikmah Mohd. Helmy, 11, yang mengalami masalah penglihatan sejak lahir.

Candy 4HD yang berharga RM2,000 adalah sejenis alat yang bertindak sebagai kanta pembesar elektronik bagi membantu golongan yang mengalami penglihatan terhad membaca.

Jual PR1MA pun tanpa diskaun 5%, respons Exco Perumahan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) pun dijual kepada Bumiputera tanpa diskaun lima peratus kerana semua ketegori perumahan tersebut telahpun disubsidi serta harganya dikawal oleh kerajaan.

Justeru, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sepucuk surat berwajib yang diviralkan di internet baru-baru ini hanya mencerminkan Kerajaan Negeri mengamalkan polisi sedia ada yang digariskan oleh Kerajaan Pusat.

"Tiada diskaun lima peratus untuk Bumiputera ini bukan hanya di Pulau Pinang sahaja, tetapi, Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Kerajaan Pusat pun dijual tanpa diskaun lima peratus kepada Bumiputera atau bukan Bumiputera.

"Jadi, Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) seperti negeri-negeri lain, tidak boleh memberikan diskaun yang lebih kerana harga rumah yang sedia ada telahpun didiskaun.

"Maka, surat ini adalah suatu pemberitahuan dan peringatan yang diikuti oleh Kerajaan Negeri, ia bukanlah polisi baru kerana garis panduan ini sebenarnya daripada Kerajaan Pusat sendiri," jelas Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, harga semua kategori perumahan sebenarnya di bawah harga pasaran, kerana telahpun disubsidi serta dikawal oleh kerajaan.

Tambah beliau, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah lama menggariskan bahawa rumah kategori kos rendah (KR) dikawal pada harga RM42,500 seunit, manakala, rumah kos sederhana rendah (KSR) pula bernilai RM72,500 seunit.

Tambahnya, rumah mampu milik seperti PR1MA umpamanya mula diperkenalkan pada tahun 2013, dengan seunit berharga RM200,000, RM300,000 dan RM400,000.

Justeru, Jagdeep menasihatkan pembangkang Pulau Pinang supaya menguasai polisi perumahan sebenar yang digariskan Kerajaan Pusat di Pulau Pinang, bukan menyemarakkan api perkauman sempit ke atas Kerajaan Negeri.

Punca Kerajaan Negeri digambarkan menghapuskan hak istimewa Melayu di negeri ini adalah apabila sepucuk surat berhubung tiada diskaun lima peratus untuk Bumiputera yang membeli rumah di negeri ini tersebar meluas melalui media sosial, seperti *facebook* dan *whatsapp*.

Tarif elektrik patut diturunkan 35% - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Penurunan tarif elekrtik di Semenanjung Malaysia sehingga 4.3 peratus mulai 1 Mac hingga 30 Jun depan kemungkinan mengambil kira persiapan Kerajaan Pusat demi mendepani Pilihan Raya Kecil (PRK) Permatang Pauh, yang dijangka berlangsung dalam tempoh terdekat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sepatutnya tarif elektrik diturunkan sehingga 35 peratus, selari dengan angka kenaikan peratusan untung diraih Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada penggal keempat tahun lepas.

"Kalau keuntungannya boleh naik sehingga 35 peratus, mengapa tidak dikongsi bersama rakyat...seharusnya penurunan sebanyak 35 peratus.

"Mengapa turun hanya empat bulan, adakah ini hanya persiapan untuk memenangi pilihan raya kecil Permatang Pauh...mengapa tak turun betul-betul," tanya Guan Eng pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) turut menyertai sidang media tersebut.

Terdahulu, Kerajaan Pusat mengumum tarif elektrik dengan kadar Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak 2.25 sen/kWj untuk pengguna Semenanjung Malaysia, berkuatkuasa mulai 1 Mac hingga 20 Jun depan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili turut mengumumkan purata kadar tarif elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan diturunkan sebanyak 1.20 sen/kWj, berkuatkuasa bagi tempoh sama, iaitu menyamai penurunan sebanyak 3.5 peratus daripada purata kadar tarif semasa.

Penurunan tarif elektrik itu, katanya, mengambil kira penurunan kos bahan api global.

Difahamkan, peratusan penurunan tarif elektrik dalam tempoh tiga bulan itu dilakukan secara berperingkat, iaitu pada angka 4.3 peratus, diikuti 4.1 peratus dan 3.9 peratus.

Projek awam pun kena GST, soal KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, sekali lagi membidas pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) apabila ianya turut dikenakan ke atas projek awam yang bakal digunakan untuk kepentingan rakyat.

Projek yang dimaksudkan adalah pembinaan jalan sambungan di Jalan Bunga Hinai dengan Jalan Bunga Kaca Piring sekitar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Hun Bin Daerah Timur Laut di sini.

"Projek ini untuk orang ramai dan bukan projek yang membawa keuntungan pun, malangnya kita (Kerajaan Negeri) dimaklumkan bahawa ianya bakal dikenakan GST sebanyak enam peratus.

"Jumlah GST sebanyak RM112,680 termasuk dalam tender sehingga meningkatkan kos keseluruhan pembinaan kepada RM2,330,000.

"Kita (Kerajaan Negeri) masih tidak faham mengapa ianya perlu dikenakan GST, padahal ianya (projek berkaitan) adalah untuk kemudahan orang awam," tegasnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau menuntut penjelasan daripada Kerajaan Pusat dan berhasrat agar projek sedemikian tidak dikenakan GST yang mana akibatnya akan ditanggung oleh rakyat.

Kompaun PG1 selesai

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Kompaun dikeluarkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terhadap kenderaan rasmi Ketua Menteri yang dikesan diletakkan bersebelahan pili bomba di Lebuh King di sini pada 22 Februari lalu telah dibayar.

Perkara tersebut diumumkan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jelasnya, isu yang menjadi viral di laman media sosial khususnya dianggap selesai setelah kompaun yang dikenakan telah dibayar.

"Kompaun ke atas kenderaan rasmi Ketua Menteri yang dikeluarkan oleh MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) telahpun dibayar dan dianggap selesai.

"Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sebuah kerajaan yang cakap serupa bikin selain tidak mengamalkan *double standard* (pilih kasih)," katanya di sini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Terdahulu, kereta rasmi Ketua Menteri jenis Mercedes Benz S300L bernombor pendaftaran PG1 menjadi viral di internet ekoran dikesan diletakkan di bersebelahan pili bomba di Lebuh King di sini.

Laporan kemudian menyatakan bahawa kenderaan tersebut diletakkan di lokasi tersebut setelah menghantar Ketua Menteri ke Dewan Perniagaan Cina, bagaimanapun, pemandu masih berada di dalam kenderaan tersebut dan tidak meninggalkan di bahu jalan.

Sebelum ini, kereta tersebut juga pernah menjadi viral setelah dikesan diletakkan di lorong basikal di hadapan Depoh Bas Hin di Jalan Gurdwara di sini.

PEMANDU kenderaan rasmi Ketua Menteri menunjukkan kompaun yang dikeluarkan MPPP ekoran dikesan meletakkan kereta berkenaan bersebelahan pili bomba di Lebuh King di sini baru-baru ini.

KN sedia ambil alih feri - KM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) digesa supaya mempertingkatkan mutu perkhidmatan feri terlebih dahulu sebelum mencadangkan sebarang kenaikan tambangnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengumuman cadangan kenaikan tambang adalah tidak sesuai dan bertepatan memandangkan perkhidmatan feri tidak dipertingkatkan sejak dahulu.

"Saya ingin memohon kepada Kerajaan Pusat supaya tidak menaikkan tambang feri kerana ia bukan sahaja membebankan rakyat, tetapi juga mutu perkhidmatannya masih sama, tiada perubahan sejak dahulu dan tidak pernah diperbaiki," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina anjurannya di sini baru-baru ini.

Kira-kira 8,000 pengunjung menghadiri majlis berkaitan yang turut dimeriahkan dengan kehadiran barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.

Kehadiran Tuan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri menyerikan lagi majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, pada sidang media berasingan, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia mengambil alih pengurusan operasi feri ekoran kerugian RM23 juta pada tahun 2013 dan memaksa tambang feri dinaikkan sehingga 75 peratus.

"Mereka tidak boleh meletakkan beban tersebut kepada pengguna.

"Kenaikan ini membebankan. Jika tidak mampu uruskan, serahkan pada kita (Kerajaan Negeri). Kita (Kerajaan Negeri) boleh buktikan operasi akan berjalan lebih lancar dengan memberikan perkhidmatan terbaik.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) bersedia membuat pelaburan baru bagi melindungi ikon utama George Town ini," tegas beliau.

Bagaimanapun, Guan Eng menekankan bahawa, pihak SPPP diminta melangsaikan hutang terlebih dahulu sekiranya bersetuju dengan saranan dikemukakan.

Terdahulu, SPPP bercadang membuat semakan tambang feri mengikut jenis kenderaan iaitu motosikal dari RM2.00 dinaikkan kepada RM3.50, kereta (RM7.70 kepada RM9.00), pejalan kaki (RM1.20 kepada RM2.00) dan basikal (RM1.40 kepada RM1.50).

DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) dan isteri diiringi Ketua Menteri dan isteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan acara *'lou sang'* pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

ISTERI kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng (kiri sekali) menyampaikan *ang pow* kepada kanak-kanak yang hadir pada majlis berkaitan.

Rakyat negeri dapat beza antara baik & buruk

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERMATANG PASIR - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man menggesa masyarakat di sini supaya menolak politik perkauman yang diketengahkan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab di negeri ini.

Gesaan itu dibuat ekoran beberapa kenyataan sebelum ini yang dilihat sengaja mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang kaum di sini.

Menurut Mohd. Salleh, rakyat di negeri ini dapat membezakan antara yang baik dan buruk dalam menerima sesuatu kenyataan dinyatakan.

"Seruan berbentuk perkauman ini adalah tidak bagus kerana menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan curiga-mencurigai dan bukan bersikap tolong-menolong.

"Isu yang lebih perlu dititikberatkan adalah kenaikan harga barang yang menimpa semua rakyat tanpa mengira kaum dan latar belakang agama," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Turut hadir memeriahkan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ahli Lembaga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Mohamad Sabu.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya senada dengan Mohd. Salleh berhubung menolak politik perkauman sempit yang dibawa oleh pihak tertentu di negeri ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) melalui wakil rakyatnya di sini telah berjaya membuktikan isu perkauman yang dibawa tidak menjejaskan keharmonian penduduk setempat.

"ADUN Permatang Pasir telah membuktikan untuk dua penggal berturut-turut, beliau sebagai wakil rakyat untuk semua kaum.

"Kehadiran penduduk berbilang kaum pada malam ini turut menunjukkan isu-isu perkauman yang dibawa adalah tidak relevan di negeri yang menghormati hak semua kaum," tegas beliau.

SALAH seorang kanak-kanak berjabat tangan dengan Anwar Ibrahim (duduk, dua dari kiri) sambil diperhatikan Mohd. Salleh Man (duduk, kiri sekali) pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

MOHD. Salleh Man (berkopiah) menyampaikan *ang pow* kepada golongan kanak-kanak.

Perpaduan tanpa prejudis pacu kehidupan lebih maju - Rashid

MOHD. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) menyampaikan *ang pow* kepada kanak-kanak yang hadir pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat DUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

PANTAI JEREJAK – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyatakan bahawa hanya dengan perpaduan kaum tanpa prejudis mampu memacu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih maju dan dinamik.

Perkara tersebut diucapkan beliau pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

"Contohnya pada hari ini, masyarakat daripada berbilang kaum turut hadir menjayakan majlis sambutan yang diadakan ini.

"Semangat ini memperlihatkan suatu bentuk sokongan dan dorongan kepada langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam usaha mengekalkan keharmonian di negeri Pulau Pinang," katanya.

Sambutan dihadiri kira-kira 500 pengunjung berkenaan diselaraskan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Tengah.

Sebagai penyeri majlis, acara cabutan bertuah turut diadakan.

SEBAHAGIAN kanak-kanak yang membuat persembahan.

Tiada hasrat tutup Line Clear - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri tidak pernah berhasrat menutup terus Nasi Kandar Line Clear, tetapi, mahu ia diurus oleh pemegang lesen yang sah sahaja.

Demikian, tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media khas di sini baru-baru ini.

Beliau mengulas sedemikian ekoran langkah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyerbu serta mengosongkan Line Clear sekitar jam 4 pagi baru-baru ini susulan mendapati pengendalinya berniaga tanpa lesen berwajib bagi tahun 2015.

"Tindakan penguatkuasaan MPPP itu aadalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Penjaja 1979, dan saya pun tidak faham mengapa perkara ini telah bertukar menjadi satu isu yang menghentam Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri tiada minat untuk mencampuri isu perbalahan keluarga ini dan biarlah ia diputuskan oleh mahkamah saja," tegas Guan Eng di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua MPPP) dan Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha Perbandaran, MPPP) serta Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff turut menyertai sidang media tersebut.

Menurutnya, Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang mana-mana operasi perniagaan yang mengikut peraturan atas sentimen kaum atau agama sebagaimana digambarkan pihak pembangkang Pulau Pinang, apatah lagi seperti warung Line Clear berusia lebih 60 tahun dan menjadi salah satu ikon pelancongan makanan di negeri ini.

CHOW Kon Yeow (kanan sekali) menyerahkan lesen penjaja bagi tahun 2015 kepada penerima sambil disaksikan Ketua Menteri, Patahiyah Ismail (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco hampa, permohonan TP1M tidak dapat perhatian Pusat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

GEORGE TOWN - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo meluahkan rasa hampa apabila permohonan negeri Pulau Pinang untuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) seakan-akan tidak mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan (Pusat).

Jelas Jagdeep, sejak tahun 2012, Pulau Pinang telah memohon sebanyak 119 projek di bawah TP1M. Namun, sehingga kini cuma 14 projek sahaja diluluskan dan ia telah menyebabkan penduduk terutama di rumah-rumah pangsa 'menderita'.

"Sikap melengah-lengahkan dan lewat dalam mempertimbangkan permohonan Pulau Pinang telah menyebabkan penduduk terutamanya di rumah-rumah pangsa mengalami kesengsaraan tidak terhingga.

"Kalau betul TP1M ingin membantu rakyat, sepatutnya tidak timbul isu kelewatan mempertimbangkan atau meluluskan permohonan dari Pulau Pinang," tegasnya pada sidang media mengulas berhubung isu berkaitan selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Lif Baharu Kompleks Pulau Mutiara (KPM) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) KPM, Khoo En Chieh.

Pemasangan dan pemodenan lif di KPM menelan belanja RM208,000 dengan 80 peratus (RM168,000) dibiayai Kerajaan Negeri dan baki RM42,000 ditanggung JMB.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu, selain menjadikan pembekalan perumahan mampu milik sebagai suatu keutamaan, Kerajaan Negeri juga memberi fokus terhadap usaha-usaha penyelenggaraan bangunan di semua rancangan perumahan kerajaan sedia ada termasuk perumahan swasta kos rendah dan kos sederhana rendah.

"Usaha ini termasuk penaiktarafan sistem pendawaian elektrik, sistem perpaipan dan perparitan, tangki air, lif dan bumbung.

"Tahun lalu, sejumlah RM11.3 juta diperuntukan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf 49 rancangan perumahan melibatkan 15,431 unit semuanya.

"Usaha ini diteruskan lagi pada tahun 2015 dengan sejumlah RM15.11 juta diperuntukan," jelas beliau.

TP1M diperkenalkan pada 2010 dengan dana berjumlah RM500 juta bertujuan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta di negara ini.

JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) sambil ditemani Lau Keng Ee (kanan sekali) dan Ng Wei Aik (kiri sekali) pada sidang media berhubung isu TP1M selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Lif Baharu KPM di sini baru-baru ini.

Selain membaikpulih dan menyelenggara lif, TP1M juga merangkumi penyelenggaraan tangga, bumbung, mengecat, tangki air, sistem retikulasi dan kerosakan am yang melibatkan harta bersama *(common property)*.

Ia menyediakan peruntukan 90 peratus bagi kos membaikpulih serta penyelenggaraan projek perumahan berstrata kos rendah dan 70 peratus bagi kos sederhana rendah. Manakala bakinya ditanggung oleh JMB, pihak pengurusan perumahan (MC) atau persatuan penduduk.

Serentak itu, Kerajaan Negeri mewujudkan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau *Housing Assistance Programme of Penang, Yes!* (HAPPY!) pada 2013 dengan dana berjumlah RM50 juta bagi menampung kos penyelenggaraan yang tidak ditanggung oleh TP1M. Dalam erti kata lain, Kerajaan Negeri akan membayar baki 10 peratus dan 30 peratus kos yang ditanggung JMB tanpa membebani penduduk di perumahan terbabit.

Namun, sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri melalui HAPPY! yang (akan) menampung 90 peratus dan 70 peratus kos penyelenggaraan dengan bakinya ditanggung oleh JMB ekoran permohonan tidak memperoleh kelulusan TP1M.

Keutamaan kepada mereka yang benar-benar layak – Exco Perumahan

JAGDEEP Singh Deo (berdiri, barisan pertama, tiga dari kanan) memerhatikan proses pendaftaran rumah berkualiti sempena Program Jelajah Misi Pemilikan Rumah Mampu-Milik Pulau Pinang Peringkat KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **FB JAGDEEP SINGH DEO**

DATUK KERAMAT – Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPEC) sehingga bulan Jun tahun lepas merekodkan 50,718 pemohon 'dalam senarai menunggu' untuk membeli kediaman di negeri ini, termasuk 770 unit rumah kos rendah (KSR) dan 1,323 rumah mampu milik (MM) yang akan dibina dekat Jalan S.P. Chelliah di sini kelak.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bagaimanapun berkata, Kerajaan Negeri memberi keutamaan lebih kepada mereka yang benar-benar layak, sungguhpun bilangan pemohon perumahan pelbagai kategori kian meningkat kebelakangan ini.

Penjelasan itu sekaligus menolak dakyah pembangkang Pulau Pinang kononnya pendaftaran pemohon-pemohon berwajib dengan Kerajaan Negeri langsung tidak diproses oleh SPEC.

"Pada tahun 2013, seramai 1,788 pemohon dipilih, manakala, 5,503 pemohon lain ditawarkan (rumah) pada September tahun lepas.

"Saya amat gembira dengan sambutan hangat terhadap projek perumahan mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Jalan S.P. Chelliah, George Town.

"Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang layak, seperti orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, mereka yang mempunyai masalah kesihatan, mangsa banjir dan yang terpaksa berpindah keluar kerana pembangunan," jelas Jagdeep yang juga Pengerusi SPEC pada Program Jelajah Misi Pemilikan Rumah Mampu-Milik Pulau Pinang Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, S.P. Chelliah merupakan antara 12 projek perumahan utama, demi menyediakan 22,545 unit rumah pelbagai kategori meliputi kelima-lima daerah di negeri ini.

Sehingga Jun tahun lepas, beliau memberitahu, 24,399 pemohon rumah kos rendah (KR) berharga RM42,500 seunit dan KSR (23,580, RM72,500).

Jumlah pemohon bagi MM berharga RM200,000, RM300,00 dan RM400,000 masing-masing seramai 1,745 orang, 569 dan 423.

Program Jelajah Misi Pemilikan Rumah Mampu-Milik dianjurkan di tiap-tiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) sejak 23 Ogos tahun lepas.

Manakala, SPEC ditubuhkan pada bulan Jun 2013, antara lain demi mempercepat proses pengurusan dan mengagihan semua kategori perumahan pemohon secara adil dan telus.

Siri Jelajah Misi Pemilikan Rumah Mampu Milik Pulau Pinang:

BIL.	PARLIMEN	LOKASI	TARIKH
1	Bukit Bendera	Gurney Plaza, Persiaran Gurney	21 Mac (Sabtu)
2	Bukit Gelugor	TESCO E-Gate, Lebuh Tengku Kudin	11 April (Sabtu)
3	Batu Kawan / Nibong Tebal	PDC Sales Gallery, Batu Kawan	11 April (Sabtu)
4	Balik Pulau	Pasar Awam Balik Pulau, Balik Pulau	18 April (Sabtu)
5	Tasek Gelugor / Kepala Batas	MYDIN Wholesale Hypermarket Bertam, Bandar Putra Bertam	18 April (Sabtu)

Balik Pulau Express tidak dapat kelulusan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Pengumuman Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Hilmi Yahaya baru-baru ini untuk memperkenalkan motosikal roda tiga dikenali Balik Pulau Express sebagai pengangkutan awam produk pelancongan di Balik Pulau tidak pernah mendapat kelulusan pihak berwajib.

Perkara tersebut didedahkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media di sini baru-baru ini bagi mengulas laporan akhbar berhubung pengumuman tersebut Januari lalu dan memperoleh maklum balas daripada JPJ pada 12 Februari lalu.

Guan Eng berkata, melalui maklum balas emel kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada Pegawai Khas Kepada Ketua Menteri mengesahkan bahawa kenderaan yang lebih dikenali sebagai 'tuk tuk' terbabit tidak pernah memohon atau mendapat kelulusan Jawatankuasa Proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) JPJ.

"Kita juga ambil minat perkara ini (Balik Pulau Express) kerana ianya satu perkara yang baru, tetapi adakah seorang Timbalan Menteri (merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau) tidak tahu mengenai perkara ini?

"Sebagaimana kita tahu, untuk memohon sesuatu sistem pengangkutan baru bukanlah satu proses yang mudah, banyak proses dan prosedur yang perlu dipatuhi" ujarnya.

Turut hadir, Exco Kerja Raya Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Setiausaha Politik Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Justeru, Guan Eng memohon pencerahan timbalan menteri berkaitan berhubung perkara terbabit dan berharap pengumuman yang dibuat bukan sekadar omong-omong kosong.

TOL untuk tujuan agama akan diwartakan, kadar tidak naik

GEORGE TOWN - Lesen pendudukan sementara (TOL) khusus untuk tujuan keagamaan bakal diwartakan secara perundangan di Pulau Pinang tidak lama lagi, dengan kadar bayaran sedia ada tidak akan dinaikkan oleh Kerajaan Negeri pada masa depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai mengulas isu sebuah tokong dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pengkalan Kota di sini yang dikenakan kadar bayaran TOL sebanyak RM2,500 pada tahun ini, berbanding lebih RM200 sahaja tahun lepas.

Menurutnya, isu tersebut timbul disebabkan tokong tersebut berada atas tanah TOL, yang berstatus komersial sebelum ini.

"(Kadar baru RM2,500 yang dikenakan ke atas tokong) itu ikut spesifikasi komersial kerana sebelum ini tidak pernah ada kategori keagamaan untuk TOL.

"Saya telah minta suatu kategori baru dibuat untuk membolehkan TOL bagi tujuan keagamaan kekal dengan kadar (bayaran) lama.

"Tunggu sehingga pewartaan yang baru, barulah bayar ikut kadar lama, (manakala) bagi yang telah membayar mengikut kadar TOL baru akan dipulangkan dalam (bentuk) rebet," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Penjelasan Guan Eng itu turut disampaikan secara langsung kepada pihak yang mula-mula membangkitkan isu tersebut kepada media arus perdana tertentu baru-baru ini, iaitu Pengurus Tokong Sun Hai Yim Yeong Lian, Ooi Hock Keong, 54.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee turut menyertai sidang media tersebut.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut menafikan dakwaan pihak tertentu di akhbar mesra pembangkang Pulau Pinang, kononnya Kerajaan Negeri turut menaikkan cukai tanah di negeri ini.

"TOL untuk perindustrian dan komersial sahaja yang naik, tetapi untuk tujuan keagamaan tak naik.

"Cukai tanah pun, kita (Kerajaan Negeri) tak naik langsung," tegas Guan Eng yang juga ADUN Air Putih, sambil mengkritik media arus perdana tertentu yang didakwa seakan mengelirukan isu pokok sebenar.

Guan Eng bagaimanapun merakamkan penghargaan kepada pihak yang membangkitkan isu kenaikan kadar bayaran TOL untuk keagamaan, hingga membolehkan mutu tadbir urus Kerajaan Negeri terus diperbaiki.

PSSCC kukuh kerjasama pelaburan babit tiga pihak - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN – PSSCC atau Majlis Perkongsian Perkhidmatan SSO dan CMC Pulau Pinang yang dianggotai wakil Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan penggerak-penggerak industri global diharap terus mengembangkan potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan strategik di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Mesyuarat Pelancaran Perkhidmatan Penyumberan Luar (SSO) dan Industri Kreatif & Multimedia (CMC) di sini baru-baru ini.

"PSSCC ini akan dipengerusikan sendiri oleh Ketua Menteri.

"Usaha kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan, termasuk Pihak Berkuasa Persekutuan dan wakil industri melalui penubuhan Majlis Perkongsian Perkhidmatan SSO dan CMC Pulau Pinang ini dijangka mengukuhkan lagi hubungan serta sokongan antara kerajaan dan peserta industri serta menyokong program negeri, demi rakyat," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Menurut Guan Eng, Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Datuk Yasmin Mahmood, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian antara nama yang dicadangkan untuk menganggotai PSSCC.

Tidak cukup dengan itu, Guan Eng memberitahu, dua wakil industri, iaitu Ooi Kok Seng dari KPMG dan Mark Chang daripada *Jobstreet* turut dicadangkan ke majlis tertinggi berkaitan pelaburan negeri ini.

Tambahnya, perkembangan SSO sebenarnya dilihat seiringan dengan Pemprosesan Perniagaan Penyumberan Luar (BPO) dan Penyumberan Luar Teknologi Maklumat (ITO) dunia.

Jelas beliau, sasaran pertumbuhan industri BPO dan ITO global masing-masing adalah sebanyak RM517.9 bilion dan RM898.4 bilion pada tahun 2015.

Justeru, kata Guan Eng, pelancaraan PSSCC di negeri ini pun sebenarnya adalah susulan kejayaan formula Kerajaan Negeri dalam menggarapkan pakej 3T atau Bakat *(Talent)*, Teknologi dan Toleransi yang dilihat telahpun berjaya menggamit lebih banyak pelabur ke negeri ini.

"Industri ini dilihat sesuatu yang mampu menjana gelombang transformasi ekonomi negeri ketiga setelah transformasi pertama berlaku pada 1970 (perindustrian bebas), kedua pada 1980an-1990an (Industri Kecil Sederhana).

"Potensi Pulau Pinang untuk menarik perniagaan SSO telahpun diiktiraf selama beberapa tahun ini di Pulau Pinang, antaranya syarikat terkemuka yang menyediakan perkhidmatan perkongsian global seperti *First Solar,* Citigroup Transaksi Perkhidmatan Malaysia, *IHS, Wilmar, Osram* dan *AirAsia*.

"Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersama Temasek Holdings (pada bulan Mei 2014) bernilai RM11.3 bilion serta pembangunan *Creative Animation Triggers* (CAT) di tengah bandaraya George Town, menjadikan Kerajaan Negeri lebih optimis bahawa SSO dan Industri Kreatif mempunyai masa depan yang baik di sini," jelas Guan Eng.

KETUA Menteri bergambar kenangan dengan barisan dif-dif jemputan pada mesyuarat pelancaran SSO dan CMC di sini baru-baru ini.

Bentuk mekanisme efektif kurang beban pengguna – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BATU LANCHANG – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim meminta pihak berwajib terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) supaya membentuk mekanisme efektif dan efisien bagi mengatasi harga barangan yang tidak turun walaupun berlakunya penurunan harga bahan api dalam negara.

Katanya, inisiatif tersebut adalah untuk mengatasi isu berkaitan dan seterusnya meningkatkan penguatkuasaan terhadap peniaga, pengilang, pemborong yang tidak beretika dengan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

"Hal ini memberi beban kepada perbelanjaan harian pengguna di Malaysia terutamanya Pulau Pinang.

UNIT PENTADBIRAN, JABATAN PELAJARAN
NEGERI PULAU PINANG, JALAN BUKIT
GAMBIR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : EZMAWATI BINTI MOHD KHAIRAN - 78072807****
2-03-B APRT DESA SRI JAYA, TAMAN KELISA
EMAS, 13700 PRAI
Penjamin 2 : AZLINDA BINTI AHMAD - 74100902****
No. 8 PERSIARAN SEKSYEN 5/8, BANDAR
PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10006
Peminjam : ZURIDAH BINTI RAMALEY - 80072407****
2738 BATU 2, SUNGAI SETAR,
JALAN SEMPADAN 14320 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : KHALID BIN RAMALEY - 73041307****
2738 BATU 2 SUNGAI SETAR,
JALAN SEMPADAN 14320 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : NOR AZIZAH BINTI HAMBALI - 77091708****
3 JALAN BESAR, KAMPUNG MANIS,
13600 PERAI

No Akaun : 10009
Peminjam : SHAFAWATI BINTI ABDUL MALIK - 86041235****
17-20-23A HILIR SUNGAI PINANG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK B. ARIFFIN – (MENINGGAL DUNIA)
17-20-3A HILIR SUNGAI PINANG,
11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL NASIR BIN YAHAYA - 61072207****
140-D JALAN MD TAIB, JELUTONG TIMUR, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10010
Peminjam : LAW YON CHIAN - 83100207****
NO.2863 TINGKAT SELAMAT 7, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : BEH HOCK HWA - 72052607****
1572 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : TEOH GIN HOAY - 69071708****
302 JALAN PERAK, 11600 PULAU PINANG

Pengeluaran peranti imej diagnostik Toshiba, negeri dipilih

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

BAYAN LEPAS – Toshiba Medical Systems Corporation (TMSC) memilih Pulau Pinang sebagai pusat pengeluar peranti sistem diagnostik ultra bunyi dan papan pendawaian bercetak menerusi anak syarikatnya Toshiba Medical Systems Manufacturing Asia Sdn. Bhd. (TMMA) yang berpangkalan di Zon Bebas Perindustrian Bayan Lepas di sini.

Perkara itu diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan pusat pembuatan sistem pengimejan diagnostik TMMA pertama di Malaysia baru-baru ini.

"Penubuhan TMMA membuktikan usaha gigih Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelabur sekaligus menjadi negeri perindustrian maju di Malaysia.

"Dengan jumlah pelaburan RM50 juta tahun ini, penubuhan TMMA akan mengukuhkan lagi pendapatan negara sekaligus menawarkan peluang pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang," ucap beliau.

Hadir sama, Naib Presiden Kanan Korporat TMSC merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Penjagaan Kesihatan TMSC, Satoshi Tsunakawa; Naib Presiden Korporat (mewakili Toshiba Asia Pasific Pte. Ltd.), Fumio Otani; Pengurus Besar (Sistem Ultra Bunyi, TMSC), Kazufumi Ishiyama dan Pengarah Urusan TMMA, Hirokazu Noguchi.

Konsulat Jepun ke Pulau Pinang, H.E. Ryuji Noda dan Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian turut sama dalam perasmian TMMA baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Tsunakawa memberitahu bahawa pusat berkeluasan 8,640 meter persegi akan menjadi lokasi khas pembuatan barangan perubatan berkaitan ultra bunyi termasuk alat pengimejan diagnostik.

"Setiap bulan antara 300 hingga 400 alat perubatan ultra bunyi mampu dihasilkan di TMMA dengan 98 peratus akan dipasarkan untuk pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

"Unit-unit yang dikeluarkan di sini akan tertera perkataan 'Buatan Malaysia' dan dieksport ke seluruh dunia sejajar dengan misi Toshiba untuk menjadi pembekal penjagaan kesihatan terulung di dunia.

"Pusat ini juga adalah yang pertama di Asia Tenggara dan ketiga di luar Jepun selepas Dalian, China dan Campinas, Brazil," ujarnya yang juga yakin ia dapat memenuhi permintaan pasaran dunia.

KETUA Menteri ditemani Ryuji Noda (kanan sekali) memerhatikan demonstrasi pengoperasian peranti sistem diagnostik ultra bunyi dan papan pendawaian bercetak sempena majlis perasmian pusat pembuatan pertama ia dalam negara baru-baru ini.

Alat imej diagnostik ultra bunyi yang dihasilkan dianggarkan bernilai AS$5,000 hingga AS$20,000 seunit bergantung pada spesifikasi alat berkenaan.

TMSC berpengalaman selama 80 tahun sebagai pembekal sistem pengimejan diagnostik perubatan dan penyelesaian perubatan komprehensif terkemuka dunia termasuk sistem x-ray dan vaskular, ultra bunyi, perubatan nuklear dan MRI. TMSC ialah subsidiari milik penuh Toshiba Corporation.

BANGUNAN TMMA di Zon Bebas Perindustrian Bayan Lepas di sini.

KM terima kunjungan hormat Duta Besar Vietnam

KUNJUNGAN RASMI... Duta Besar Vietnam ke Malaysia, Pham Cao Phong baru-baru ini meluangkan masa mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabatnya di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon turut hadir menyambut delegasi berkenaan.

Cao Phong meluangkan masa hampir 20 minit bertukar-tukar pelbagai perspektif pandangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Perbincangan tertutup tersebut antara lainnya membincangkan perkongsian peluang antara kedua-dua pihak.

KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) tekun mendengar penjelasan Pham Cao Phong (kiri sekali) yang mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Lawatan kukuh kerjasama bidang sains & teknologi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan hormat Duta Besar Jepun ke Malaysia dalam usaha memperkukuhkan hubungan antara dua pihak di sini baru-baru ini.

Pertemuan di antara Guan Eng dan Dr. Makio Miyagawa berlangsung di pejabatnya di sini membabitkan tempoh masa hampir 30 minit.

Pada pertemuan tersebut, pelbagai isu dibincangkan terutamanya kerjasama dua hala di dalam bidang sains dan teknologi, kejuruteraan neuro serta pendidikan sains.

DR. Makio Miyagawa.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang kini dalam usahanya membangunkan kemahiran sumber manusia berasaskan sains dan teknologi.

"Justeru, kami berharap dapat mencontohi dan mempelajari sesuatu daripada kejayaan Jepun dalam bidang berkaitan," katanya di sini.

Turut hadir, Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang, H.E. Ryuji Noda.

Pusat lupus sampah Jelutong akan tutup - Exco

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pusat pelupusan sampah bersebelahan Lebuhraya Dr. Lim Cheung Eu dekat Parlimen Jelutong yang berusia lebih 20 tahun akan ditutup tidak lama lagi.

"Pusat pelupusan sampah berkeluasan 53 ekar ini didapati telah menjangkaui jangka hayatnya dan perlu ditutup untuk kerja-kerja pemulihan semula, sebelum rancangan pembangunan bercampur oleh mereka yang berminat," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Justeru, Kon Yeow memberitahu, tender terbuka selama enam bulan mulai 12 Mac hingga 14 September depan kepada mereka yang berminat untuk melakukan kerja-kerja pemulihan dan pembangunan bercampur di tapak pelupusan sampah dekat Jelutong, selain cadangan kawasan pusat pelupusan sampah yang baru di bahagian pulau.

"RFP (Surat Penyataan Hasrat) untuk proses tender terbuka akan disediakan oleh PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) kepada mereka yang berminat untuk (melakukan) pemulihan semula dan rancangan pembangunan bercampur di bekas tapak pelupusan sampah Jelutong, serta cadangan tapak pelupusan sampah alternatif yang baru," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim serta wakil PDC dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) turut menyertai sidang media berkenaan.

CHOW Kon Yeow (tengah) bersama-sama Lim Siew Khim (duduk, kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Penduduk & MPSP gotong-royong basmi denggi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

PERAI – Sebagai usaha membendung penularan penyakit denggi, kira-kira 150 penduduk Taman Kimsar mengambil inisiatif melibatkan diri dalam program gotong-royong membersihkan kawasan perumahan tersebut di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng, M. Turaisingam yang mengetuai program berkaitan berkata, penganjuran tersebut adalah hasil kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama-sama pihaknya.

SEBAHAGIAN penduduk dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terlibat dalam program gotong-royong Taman Kimsar di sini baru-baru ini.

"Ia bertujuan memastikan kawasan kediaman ini bebas lokasi pembiakan nyamuk aedes ekoran laporan lima kes di sini sebelum ini.

"Justeru, aktiviti seperti ini dapat membantu mendidik penduduk agar menjaga kebersihan persekitaran bagi membanteras penyakit maut ini," ujarnya pada Majlis Gotong-royong Taman Kimsar di sini baru-baru ini.

Gotong-royong pada hari tersebut melibatkan pembersihan di sekitar kawasan kediaman, saluran air serta kawasan belukar berdekatan.

Newton Challenge kumpul RM10,000 untuk ACS

AKSI sebahagian peserta yang mengambil bahagian.

Gambar : **MARK JAMES**

TANJUNG BUNGA – Sebanyak RM10,000 sumbangan berjaya dikumpul dan disalurkan kepada pertubuhan kebajikan, *Asia Community Service* (ACS) hasil penganjuran program amal, *Newton Challenge* membabitkan penyertaan kira-kira 4,000 peserta di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang turut serta dan menyempurnakan upacara pelepasan para peserta memberitahu bahawa, hasil kutipan tersebut bakal disumbangkan melalui wang tunai serta peralatan bantuan bagi membantu penghuni ACS menjalankan kerja-kerja harian.

"Saya amat gembira kerana dapat bersama-sama menjayakan acara amal ini.

"Penganjuran program sebegini adalah penting dalam mencapai misi Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa," ujarnya pada Majlis Pelepasan Peserta Newton Challenge di sini baru-baru ini.

Newton Challenge memerlukan para peserta berlari sejauh 25 kilometer (km) merangkumi *Strait Quay* – Pulau Tikus - *Pearl Hill* - Jalan Mount Erskine - *Chee Seng Gardens* sebelum berpatah balik ke *Straits Quay* melalui Jalan Tanjung Bunga dan Jalan Tanjung Tokong.

Turut menjadi tetamu khas adalah 70 orang kurang upaya (OKU) yang berjaya melengkapkan cabaran larian sejauh 3.5km.

ZAIRIL Khir Johari (tengah, berbaju biru) bergambar kenangan bersama-sama para peserta program *Newton Challenge* di sini baru-baru ini.

Acara kayuhan promosi pelancongan luar bandar

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DANNY OOI**

BALIK PULAU – Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng mencadangkan supaya penganjuran acara kayuhan basikal, *Balik Pulau Explorer Highlight Ride* diperluaskan ke Seberang Perai.

Beliau berkata demikian ekoran kejayaan penganjuran acara berkaitan di sini baru-baru ini.

"Saya melihat acara kayuhan seperti ini boleh mempromosikan pelancongan di negeri ini terutamanya kawasan luar bandar, justeru, adalah wajar ia diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar di Seberang Perai," katanya pada upacara pelepasan peserta acara berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Acara kayuhan sejauh 5 kilometer (km) tersebut membawa peserta melalui beberapa kawasan menarik di Balik Pulau seperti sawah padi, perkampungan nelayan dan melihat panorama matahari

CHONG Eng (lima dari kiri) dan Chow Kon Yeow (tiga dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama para peserta *Balik Pulau Explorer Highlight Ride* pada penganjurannya di sini baru-baru ini.

BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	**ABT Jaya Holdings Sdn Bhd** 6833 Jalan Bagan Jermal 12300 Butterworth No. Tel : 04-3322678 No. Fax : 04-3321896	Di Atas Lot 5483-5498,5536-5541, 5544-5555 dan 5519-5533, Mukim 7 Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Sungai Jawi	Rumah Teres 2 Tingkat Rumah Berkembar 2 Tingkat Rumah Kedai 2 Tingkat	RM250,400.00 - RM308,300.00 RM388,000.00 - RM416,000.00 RM398,000.00	RM237,880.00 - RM292,885.00 RM368,600.00 - RM395,000.00 RM378,000.00	2 1 5	Lean Kay Hiang
2.	**Golden Virtue Capital Sdn. Bhd.** 70-1-60 D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri Bandar Bayan Baru 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang No. Tel : 04-5396789 No. Fax : 04-5386790	Di Atas Lot 12999 dan 13514, Mukim 12 Jalan Mahsuri/Persiaran Mahsuri Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	The Arena (Arena Curve, Arena Residence & Arena Suite)	Kedai/Pejabat 2 Tingkat Kedai/Pejabat 3 Tingkat Office Suite	RM1,023,350.00 - RM1,400,000.00 RM1,363,740.00 - RM2,438,000.00 RM337,500.00	RM972,182.50 - RM1,330,000.00 RM1,295,553.00 - RM2,316,100.00 RM320,625.00	16 7 26	Chin Choy Leng
3.	**Cendana Realty Sdn Bhd** 184B, Jalan Raja Uda Pusat Perniagaan Raja Uda 12300 Butterworth No. Tel : 04-3332203 No. Fax : 04-3332201	Di Atas Lot 3688-3693, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara Pulau Pinang.	The Platinum	Rumah Berkembar 2 ½ Tingkat	RM1,200,000.00	RM1,140,000.00	2	Rizana binti Abu Bakar
4.	**Lai Keat Development Sdn Bhd** Blk 5-3-8 Jalan Gangsa Greenlane Height 11600 Pulau Pinang No. Tel : 04-6597395 No. Fax : 04-6569105	Di Atas Lot 879, Mukim 1, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Puteri Emas (Fasa 1)	Rumah Teres 2 Tingkat	RM370,000.00	RM351,500.00	14	Sim Lay Kun
5.	**Bertam Properties Sdn Bhd** No. 1 Jalan Dagangan 1 Pusat Bandar Bertam Perdana 13200 Kepala Batas No. Tel : 04-5782020 No. Fax : 04-5759364	Di Atas Lot 4918-4941, Bertam Perdana 3, Fasa 3 Kepala Batas Seberang Perai Utara Pulau Pinang.	Keladi Bussiness Point (Fasa 3)	Kedai/Pejabat 2 Tingkat	RM383,300.00 - RM443,600.00	RM364,135.00 - RM421,420.00	14	Mohd Fahmi bin Mohtar

Din, tidak segan profesion pembekal susu kambing

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

PROSES memerah susu kambing.

DIN sedang memerah susu kambing peliharaannya.

ORANGNYA agak pemalu dan lemah-lembut, percakapannya juga penuh budi bahasa. Bagi penulis, semangat pemuda berusia 28 tahun yang tidak pernah berasa segan dengan profesionnya perlu dijadikan teladan bersama.

Lawatan Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara ke kandang kambingnya di Kampung Matahari Jatuh, Teluk Kumbar disambut dengan begitu mesra oleh beliau dan juga seisi keluarga.

Ketika memulakan perbualan, Mohammad Safiyudin Shavukath Ali atau lebih mesra dengan panggilan 'Din' memberitahu bahawa beliau tidak kisah dengan tanggapan umum terhadap punca rezekinya.

"Saya tidak kisah, orang tak suka pun tak apa, asal saya tidak kacau orang," jelasnya yang merupakan anak kedua daripada lima adik-beradik.

Minatnya terhadap haiwan disemai sejak kecil lagi, malah, ketika berusia 14 tahun, beliau banyak membantu ayahnya yang ketika itu memelihara kambing secara sambilan.

"Selepas balik dari sekolah, saya akan bagi kambing makan. Saya seronok bermain dengan binatang dan juga jaga mereka (ia).

"Adik-beradik lain tidak minat, mereka belajar tinggi. Justeru, cuma saya yang kini masih meneruskan perusahaan keluarga atas minat," katanya yang kini menfokuskan kepada ternakan kambing susu iaitu baka Saanen dari Australia.

Berkongsi pengalamannya, Din menyatakan bahawa dalam tempoh empat tahun penglibatan beliau dalam bidang berkaitan, antara cabaran yang dihadapi adalah serangan penyakit yang mana telah mengorbankan 13 ekor kambing peliharaannya.

"Saya masih ingat tarikh tragedi malang itu iaitu pada bulan Ogos 2013. Sangat sedih! Malah, ia turut mengorbankan kambing kesayangan saya, Manja.

"Selepas lapan hari melahirkan anak, Manja tiba-tiba jatuh sakit. Pada malam tersebut, saya tiba di rumah dan ternampak Manja tengah baring dan tidur seakan tidak berdaya. Tidak lama selepas itu ia mati di atas riba saya," katanya sambil menitiskan air mata.

Din memberitahu, kebiasaannya, penyakit yang sering menyerang ternakan kambing jenis Saanen adalah bengkak payu dara untuk kambing betina, jantan (tidak boleh kencing) dan bagi anak (jangkitan kuman pada paru-paru). Kebiasaannya, kambing-kambing ternakan yang mengalami penyakit sedemikian tidak dapat dirawat dan akan mati.

Dengan modal yang dikumpul sendiri, Din memulakan penternakan kambing susu dengan membeli hanya tiga ekor kambing Saanen yang masing-masing berharga RM3,500.

"Nak beli banyak, tak mampu. Pada peringkat permulaan, memang tiada pengalaman langsung. Saya belajar sendiri," jelas Din yang sebelum ini pernah bekerja di salah sebuah kilang perindustrian berhampiran.

Mohammad Safiyudin Shavukath Ali atau Din.

Menurut beliau, kambing Saanen mampu mengeluarkan banyak susu selepas tempoh dua hingga tiga bulan melahirkan anak. Walaupun susu tersebut turut dibekalkan kepada anak-anak yang dilahirkan, masih terdapat banyak lebihan yang boleh diperah untuk tujuan pemasaran.

"Anak kambing minum sikit-skit sahaja, banyak yang lebih! Malah, saya tidak akan perah susu awal yang mana ia berwarna kekuning-kuningan.

"Bila warna dah putih dan nampak elok, barulah saya mula perah. Selepas perah ke dalam jag, cecair susu akan ditapis menggunakan penapis kain sebelum dibotolkan," jelasnya.

Pada peringkat awal iaitu empat tahun lalu, Din tidak menafikan bahawa masyarakat masih tidak mengetahui khasiat sebenar susu kambing.

"Saya memang menangis tak tahu nak jual kat mana. Saya doa dan tidak putus asa, usaha juga!

"Ke mana jua saya pergi, saya bawa susu kambing untuk dijual, diperkenalkan khasiatnya, termasuk pasar malam di Bayan Lepas. Malah, sekiranya memperoleh tempahan dari Kulim, saya juga akan menunggang motosikal dan hantar kepada pelanggan.

"Berkat usaha, alhamdulillah, masuk tahun kedua, bekalan sedia ada tidak cukup. Permintaan datang dari merata tempat, sama ada tempahan melalui telefon dan pelanggan-pelanggan yang telah memperoleh manfaat hasil khasiat susu kambing," ujar Din sambil mengukir senyuman.

Rutin harian Din adalah bermula seawal 8 pagi hingga tengah hari sebelum beliau keluar menghantar tempahan.

"Selepas itu, susu kambing boleh sekali lagi diperah pada waktu petang. Kandang perlu dibersihkan dua kali sehari bagi menjamin kebersihan susu yang dihasilkan serta diperah.

"Sekiranya susu yang dibotolkan disejuk bekukan, ia mampu bertahan selama tiga bulan, suhu biasa peti sejuk dan suhu bilik, empat jam," jelasnya lanjut.

Bagi perancangan masa depan, Din tidak menafikan bahawa beliau ingin menambah lagi kambing ternakannya yang kini berjumlah lebih 20 ekor.

"Selaras itu, kandang juga perlu diperbesarkan.

"Pada masa sama, adalah menjadi impian saya untuk memiliki sebuah kilang kecil bagi mempelbagaikan lagi perisa susu kambing yang kini hanya berperisa asli dan turut menghasilkan dadih (susu kambing)," katanya yang turut mengusahakan penternakan ayam kampung dan ayam piru.

INFO :
019 - 422 9236 / 017 - 570 2877

KANDANG yang kini memuatkan kira-kira 20 ekor kambing ternakan.

KAMBING jenis Saanen yang diternak.

‘Gen-Y Berkemahiran’ ubah generasi asnaf zakat

ZAKAT PPulau Pinang (ZPP) baru menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) dengan *Naza Academy* yang berpengkalan di Gurun Kedah, bagi menjayakan projek perintis “Gen-Y Berkemahiran” yang membabitkan 30 anak daripada keluarga asnaf terpilih di negeri ini.

Ikuti Wawancara wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama Penolong Pengurus Besar ZPP, Mohamad Kairi Ghazali (MK), 42, berhubung projek perintis tersebut.

BM : Selalunya ZPP lebih dilihat gigih dalam menguruskan asnaf berkaitan hal ehwal keagamaan. Bagaimana boleh tercetus idea mengadakan projek perintis dengan kerjasama dalam dunia automotif ini pula?

MK : Idea mengeluarkan golongan asnaf daripada menjadi penerima zakat kepada pemberi zakat melalui ZPP ini sebenarnya bukanlah idea yang baru.

Sebelum inipun ada idea sebegini, di mana ZPP mengagihkan zakat untuk golongan asnaf yang mahu memulakan perniagaan.

Dahulu, ZPP turut pernah mewujudkan projek perintis ala-ala kedai runcit 24 jam seperti *7 Eleven*, yang dikenali sebagai Zakat Mart di negeri ini.

Di bawah projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini, seramai 30 pelatih dipilih oleh ZPP, di mana mereka daripada keluarga asnaf juga, rata-rata tiada sijil seperti sijil PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) dan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), tetapi mereka ada pelajaran agama di sekolah tahfiz al-Quran dan seumpamanya.

Melalui projek perintis “Gen-Y Berkemahiran” ini juga, ZPP hanya membantu mereka mendapatkan kemahiran automotif seperti membaiki enjin, menyembur cat serta memasang tinted kereta, supaya mereka tidak tercicir dalam dunia kerjaya kelak, hanya disebabkan tiada sijil peringkat sekolah menengah.

BM : Pembiayaan 30 pelatih ini diambil dari asnaf Fi Sabilillah atau macam mana?

MK : Semua kita tahu, golongan *Al-Fuqara’, Al-Masakin, Amil* (pemungut dan pengagih zakat), *Muallaf* (mereka yang baru memeluk Islam), *Riqab* (hamba yang dibelenggu atau tiada kebebasan diri), *Ghamirin* (orang Islam yang tidak mampu melangsaikan hutangnya), *Fisabilillah* (pelajar serta orang yang berusaha melakukan aktiviti meninggikan Islam) dan *Ibnus Sabil* (musafir yang terputus sumber hidup) merupakan lapan asnaf yang layak menerima zakat.

Khalifah Umar al-Khattab dahulu pun pernah memberi zakat kepada Ahli Kitab (beragama Majusi dan Nasrani) sampai dipertikai oleh para Sahabat radiyaLlahu *‘anhum* yang lain.

Sambil membaca ayat 60 daripada Surah At-Taubah yang bermaksud, *“sesungguhnya sedakah (zakat) itu untuk golongan fakir...”* Khalifah Umar al-Khattab berkata, “di zaman aku ini, mereka (golongan fakir) itu adalah Ahli Kitab.”

Selanjutnya boleh rujuk karya Prof. Dr. Yusof Al-Qardhawi dalam Fiqh al- Zakat, 2/707.

Ertinya, Khalifah Umar Al-Khattab memberi zakat kepada Ahli Kitab terbabit bukanlah atas sebab keagamaan mereka, tetapi, atas sebab kefakiran mereka.

ZPP tidak lah sampai pada ijtihad berani Khalifah Umar Al-Khattab ini, dan 30 pelatih dalam projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini dipilih daripada keluarga asnaf fakir juga.

BM : Bolehkah Tuan perjelaskan dengan lebih lanjut mengenai projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini?

MK : Sebenarnya program kemahiran yang diikuti oleh mereka di *Naza Academy* melalui projek perintis ini macam program yang diikuti di Giat Mara juga.

Semua pelatih terpilih adalah berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun. ZPP pilih anak-anak asnaf kerana kesukaran kita (ZPP) membawa ibu bapa daripada golongan asnaf untuk mengikuti program kemahiran sebegini.

Tempoh belajar kemahiran untuk tahap pertama adalah enam bulan, diikuti enam bulan untuk tahap kedua dan enam bulan seterusnya untuk tahap ketiga.

Kira-kira RM7,440 (kos) untuk seorang pelatih bagi satu-satu sesi, meliputi kos pengajian, penginapan, makan minum, elaun harian dan kos semua 30 pelatih ini ditanggung oleh ZPP.

MOHAMAD Kairi Ghazali.

Mereka layak menerima sijil daripada Sijil Kemahiran Malaysian (SKM) apabila selesai pengajian bagi satu-satu tahap.

Kalau sampai ke tahap tiga, tarafnya seperti diploma dan pengajian lanjut seterusnya, mungkin akan ditaja oleh *Naza Academy*, jika cemerlang.

Apa yang lebih penting, *Naza Academy* juga akan membantu mencari peluang untuk kita (ZPP) supaya pelatih-pelatih ini dapat diceburkan dalam dunia industri automotif, sama ada di (kilang) Naza atau sektor swasta lain.

Mereka yang terpilih ini diminta memberi komitmen mengikuti kursus pada sebelah pagi dan petang di Naza Academy ini dan pada sebelah malam wajib mengikuti program pendidikan agama dan kerohanian yang disediakan oleh kita (ZPP).

Makna kata, dari segi keagamaan pun ZPP tak mengabaikan dan kita dan *Naza Academy* saling pantau mengenai perkembangan pelatih-pelatih ini.

BM : Ada lagi projek perintis lain di bawah ZPP, selain Gen-Y Berkemahiran ini?

MK : Sebenarnya ada beberapa lagi projek seperti Gen-Y Berkemahiran.

Dahulu, kita ada projek Zakat Mart, iaitu mengambil anak-anak daripada keluarga asnaf bekerja dengan ZPP supaya mereka mampu keluar daripada golongan penerima zakat kepada golongan pemberi zakat suatu hari nanti.

Selain itu, ZPP juga ada mengeluarkan sumbangan zakat kepada mereka yang mahu mengembangkan perniagaan kecilan-kecilan daripada golongan asnaf juga, seperti membeli kuali untuk perniagaan goreng cucur dan sebagainya.

Pada hujung bulan Mac ini, ZPP dalam rancangan menandatangani satu lagi perjanjian (MOA) dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) yang berpengkalan di Bayan Lepas, untuk menghantar 60 lagi pelatih terpilih daripada golongan asnaf, seperti projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini juga.

BM : Akhirnya, apa harapan Tuan dan ZPP untuk membangunkan potensi umat Islam di negara ini melalui sumber zakat?

MK : Melalui projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini sendiri umpamanya, memang kita nak melahirkan tenaga mahir yang beramanah dalam agamanya dan berbakat dalam dunia kerjayanya.

Banyak lagi yang ZPP sedang memikirkan, antaranya kursus-kursus kemahiran yang mudah, tetapi, mampu membangunkan upaya generasi masa depan daripada golongan asnaf ini.

ZPP tengah mengkaji proses kursus kemahiran seperti memasang aksesori kereta dan memasang tinted kereta, kerana bidang inipun mempunyai prospek kerjaya dan keuntungan yang lumayan, jika diceburi oleh golongan asnaf.

ZPP akan cuba melakukan beberapa lagi projek generasi, iaitu mengubah generasi asnaf daripada terus menjadi penerima zakat kepada pemberi zakat, sama ada zakat fitrah atau zakat niaga.

Sebagaimana pada Majlis Pelantikan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Sebagai Amil Zakat Kepada ZPP hari ini, insya-Allah kita berharap akan ada kerjasama selanjutnya, seperti agensi Pusat itu menyalurkan pinjaman mikrokedit kepada golongan asnaf di bawah kita (ZPP) yang mahu memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka kelak.

Kita harap projek perintis Gen-Y Berkemahiran ini berjaya dahulu, yang lain akan menyusul.

Naiktaraf jejantas 'sotong' jangka siap November

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

GEORGE TOWN– Kerja-kerja projek menaiktaraf jejantas pejalan kaki atau lebih dikenali sebagai jejantas 'sotong' yang terletak di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong dijangka siap November ini.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Jejantas Pejalan Kaki di Komtar Walk di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, demi melonjakkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri bersedia menyediakan pelbagai kemudahan awam yang bukan sahaja mesra alam, malah mesra pengguna dan berteknologi tinggi.

"Selain pemasangan lif kaca telus dan tangga bergerak *(escalator)*, pihak pemaju berkaitan juga akan menambah pencahayaan (lampu) demi keselamatan pengguna termasuk lain-lain penyelenggaraan dengan menitikberatkan aspek keselamatan pengguna terutama orang kurang upaya (OKU) dan warga emas," katanya di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng, Pengarah Eksekutif Syarikat Ensignia Construction Sdn. Bhd. (Ensignia), Lim Gik Chay dan arkitek IGB Corporation Berhad, David Tan.

PEMANDANGAN pada waktu malam.

Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli-ahli Majlis MPPP turut serta dalam majlis tersebut.

Guan Eng memberitahu, bagi pihak Kerajaan Negeri, beliau berterima kasih kepada pihak pemaju, Ensignia iaitu anak syarikat IGB Corporation Berhad kerana sudi menaja kerja-kerja menaiktaraf yang berjumlah RM6 juta sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat terbabit.

LAKARAN grafik yang menunjukkan pemandangan menyeluruh jejantas pejalan kaki yang dinaiktaraf.

LAKARAN grafik di laluan bahagian atas jambatan.

"Bagi membolehkan Ensignia memperoleh semula sebahagian kos, pengiklanan atas jejantas selama 25 tahun telah diberikan dan ia tertakluk kepada terma-terma dan syarat MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) berhubung hal berkaitan.

"Antaranya, sumbangan lima peratus pendapatan pengiklanan kepada MPPP dan 20 peratus daripada ruangan iklan dikhaskan untuk penerangan kerajaan.

"Ini termasuk kos penyelenggaraan lif dan tangga bergerak selama 25 tahun yang ditanggung oleh Ensignia," ujar beliau.

Jejantas pejalan kaki tersebut dibina pada tahun 1993 dengan kos sebanyak RM1.25 juta.

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri pernah berhasrat untuk meruntuhkan jejantas tersebut memandangkan wujudnya beberapa kes jenayah.

Namun, hasil maklum balas yang dijalankan pada 14 Mei hingga 14 Jun 2013, 70 peratus responden tidak bersetuju dengan cadangan untuk merobohkan jejantas unik berkenaan.

Hasilnya, Kerajaan Negeri mengekalkan jejantas tersebut dengan menaiktaraf jambatan berusia 20 tahun itu.

PBE MPPP operasi 24 jam setiap hari

Oleh :**NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN LILIAN**

GEORGE TOWN – Pusat Bayaran Elektronik (PBE) pertama oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Pusat Bayaran Setempat, Jalan Padang Kota Lama di sini, kini dibuka untuk kegunaan orang ramai.

Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, PBE yang beroperasi 24 jam setiap sehari merupakan tambahan kemudahan kepada orang ramai untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran dan kompaun parkir.

"Dengan PBE, orang ramai tidak lagi terikat untuk menjelaskan bayaran di kaunter sahaja, sebaliknya, boleh datang selepas waktu pejabat.

"Ini akan memudahkan mereka membuat bayaran tanpa had masa," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Bayaran Elektronik di sini baru-baru ini.

CHOW Kon Yeow (kanan sekali) cuba menggunakan PBE pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian berkaitan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran MPPP, Ar. Ang Aing Thye, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPPP.

Bagi bil cukai taksiran, para pengguna boleh membuat bayaran secara tunai ataupun cek, manakala kompaun parkir, tunai sahaja.

RUANG parkir yang disediakan kepada pengguna yang ingin membuat bayaran menggunakan PBE.

Tambah Patahiyah, MPPP akan mengkaji keperluan penambahan mesin dari semasa ke semasa sekiranya mendapat sambutan menggalakkan.

"Setakat ini, kita (MPPP) hanya memulakan pemasangan sebuah mesin sahaja.

"Namun, penambahan mesin pada masa hadapan akan dikaji sekiranya mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dan ianya bergantung kepada kecekapan mesin jua," kata beliau.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Perbendaharaan Jabatan Perbendaharaan MPPP, Suhaida Kamalul Ariffin, lebih 200,000 kompaun parkir dikeluarkan pada tahun lalu (2014), namun hanya sekitar 35 peratus pengguna sahaja menjelaskan bayaran berkenaan.

Naiktaraf 4 persimpangan kurang kesesakan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) menunjukkan pelan kerja-kerja menaiktaraf persimpangan Lebuhraya Peel, Jalan Macalister, Jalan Residensi dan Lebuhraya Codrington ketika mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

LOKASI kerja-kerja penaiktarafan dijalankan.

GEORGE TOWN – Orang ramai yang melalui persimpangan Lebuhraya Peel, Jalan Macalister, Jalan Residensi dan Lebuhraya Codrington diminta supaya mengikuti arahan papan tanda sementara serta arahan pegawai lalulintas bagi memastikan kelancaran lalulintas di kawasan terbabit.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, kerja-kerja penyelenggaraan bagi menukar persimpangan bulatan sedia ada ke persimpangan kawalan lampu isyarat giat dijalankan.

"Pihak MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) telahpun memulakan projek menaiktaraf laluan ini sejak 26 September 2014 dan projek yang mengambil masa 36 minggu ini dijangka siap sepenuhnya menjelang 25 Jun 2015," katanya kepada pemberita ketika mengadakan tinjauan kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan di sini baru-baru ini.

Jelas Kon Yeow, kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaran yang menelan belanja RM2,218,877.50 itu dilaksanakan bagi meningkat keupayaan persimpangan laluan dan mengurangkan kesesakan di kawasan berkenaan.

"Selain menaiktaraf persimpangan sedia ada ke persimpangan kawalan lampu isyarat, kos tersebut turut merangkumi pembinaan laluan terus dari Jalan Macalister (Hospital Islands) menuju ke Jalan Residensi tanpa perlu berhenti di persimpangan lampu isyarat, menambahbaik pencahayaan, menurap semula permukaan jalan dalam had sempadan kerja *(limits of works)* dan menyediakan laluan pejalan kaki *'concrete imprint'* bagi kegunaan pelajar sekolah berdekatan.

"Malah, kos ini juga termasuk kerja-kerja menaiktaraf sistem peparitan dengan menggantikan *earth drain* sepanjang 775 meter," jelasnya yang ditemani Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MPPP, Zainuddin Mohamed Shariff dan wakil dari syarikat kontraktor.

Sebelum itu, tambah Kon Yeow, bagi mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Residensi dan kawasan sekitarnya, kerja-kerja menaiktaraf parit dan bahu jalan di Jalan Residensi dari Jalan Sepoy Lines sehingga Jalan Macalister siap sepenuhnya awal tahun ini.

"Selain dapat meningkatkan keupayaan kadar alir longkang sedia ada dengan menukar longkang bersaiz 375 milimeter ke saiz lebih besar iaitu 1200 milimeter, MPPP juga menaiktaraf laluan pejalan kaki mengikut reka bentuk sejagat dengan kos keseluruhan RM388,170," jelas beliau.

Sumbangan beras tanda penghargaan

PARA kakitangan Bahagian Perkhidmatan Bandaran MPPP beratur bagi mendapatkan sumbangan beras sebagai tanda penghargaan pada majlis khas di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **FB MPPP**

ONG Ah Teong (lapan dari kiri) ditemani Ahli-ahli Majlis MPPP lain menyampaikan sumbangan beras kepada kakitangan sokongan Bahagian Perkhidmatan Bandaran pihak berkuasa tempatan berkaitan.

GEORGE TOWN – Sumbangan beras kepada kakitangan sokongan Bahagian Perkhidmatan Bandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini adalah sebagai tanda penghargaan terhadap penat lelah golongan berkaitan buat rakyat negeri ini, ujar Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong baru-baru ini.

Penyampaian sumbangan tersebut membabitkan kira-kira 800 kakitangan yang masing-masing memperoleh sekampit beras.

Ah Teong yang juga merangkap Ahli Majlis MPPP berkata, inisiatif tersebut adalah penganjuran ke-empat untuk tempoh empat tahun berturut-turut

"Ini adalah sebagai tanda menghargai jasa mereka.

"Mereka telah bertungkus-lumus bekerja tanpa mengira masa dan keadaan," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kira-kira RM10,000 diperuntukkan bagi menjayakan majlis sumbangan berkenaan.

Banteras 121 'penjaja haram' hasrat pelanggan MPSP - YDP

MAIMUNAH Mohd. Sharif dan Sr. Rozali Mohamud pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada awal tahun ini sahaja direkodkan melaksanakan penguatkuasaan berwajib ke atas 121 penjaja tanpa lesen membabitkan 21 operasi di Pasar Awam sekitar Seberang Perai, yang dikenal pasti berniaga atas lot parkir hingga mengganggu trafik.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, langkah membanteras penjaja tanpa lesen itu adalah susulan kehendak golongan penjaja sendiri, yang disampaikan melalui lima siri dialog pada bulan September tahun lepas.

"Peniaga mencadangkan supaya MPSP merancang tindakan terhadap penjaja-penjaja haram di pasar awam dan kompleks makanan.

"Tindakan penguatkuasaan diambil kerana ramai penjaja tanpa lesen yang secara tidak langsung telah menyebabkan halangan kepada pengunjung," jelasnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, menurut Maimunah, pihaknya turut menggantung kain rentang larangan di 10 pasar awam dan kompleks makanan dikenalpasti sebagai lokasi utama aktiviti penjajaan haram, sebagai langkah penguatkuasaan bersepadu.

Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud dan beberapa Ahli Majlis MPSP serta wakil penguatkuasaan PBT berkenaan turut sertai sidang media tersebut.

ADUN cadang sistem letak kereta komprehensif, selesa

Teks & Gambar: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PULAU TIKUS – Bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah di Pulau Pinang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey tampil mencadangkan pelaksanaan sistem letak kereta komprehensif yang bukan sahaja mampu mengatasi kesesakan ruang parkir, malah juga memberi keselesaan kepada semua.

Soo Huey dalam sidang medianya menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu senada dalam menyelesaikan masalah kesesakan ruang parkir.

Katanya, mengikut statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sehingga 30 Jun 2014, jumlah kenderaan yang didaftarkan di Pulau Pinang mencecah 2,464,564 buah iaitu 10 peratus daripada keseluruhan kenderaan berdaftar di Malaysia.

"Tetapi, Pulau Pinang hanya merangkumi 5.5 peratus penduduk di Malaysia iaitu 1.7 juta orang berbanding negeri-negeri lain," ujar beliau.

PAPAN tanda MPPP berhubung pelaksanaan parkir menggunakan sistem kupon masa di Persiaran Gurney di sini.

Tambah Soo Huey, jumlah pemandu atau penunggang kenderaan baru yang didaftarkan meningkat sebanyak 2,653 orang menjadikan 31,836 pemandu berdaftar setiap tahun di Pulau Pinang. (Statistik, JPJ-2012).

"Antara masalah yang dihadapi oleh pemandu di negeri ini adalah kekurangan ruang parkir, ruang parkir sedia ada digunakan pemandu yang meletakkan kenderaan sepanjang hari, ketiadaan ruang khas bagi pemandu menurunkan atau mengambil penumpang dan ruang parkir di kawasan kediaman digunakan kenderaan komersil," tambah beliau.

KERETA-kereta yang diletakkan di ruang parkir sekitar premis perniagaan.

Selain itu, Soo Huey memberitahu, sikap pemandu di Pulau Pinang yang lebih selesa meletakkan kenderaan masing-masing di hadapan premis pilihan serta tidak gemar berjalan jauh turut menjadi punca kesesakan ruang parkir di sesuatu kawasan.

"Oleh demikian, saya telah menghantar kertas cadangan pelaksanaan sistem letak kereta komprehensif kepada MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) sebagai permulaan dan berharap pihak MPPP dapat berbincang lanjut mengenainya.

"Antaranya, termasuklah inisiatif membangunkan premis khas parkir bertingkat khususnya di kawasan komersil, mewujudkan ruangan parkir sementara *(timed-parking)* di kawasan bank dan pejabat pos dan mewujudkan kawasan parkir berpermit bagi membezakan penduduk atau 'orang luar' bagi kawasan-kawasan kediaman,'' jelasnya.

Warga emas Bagan Jermal dirai

DIKONGSI... Kira-kira 300 warga emas sekitar Bagan Jermal diraikan dengan sumbangan bahan-bahan makanan asas dan *ang pow* sebagai persediaan menyambut Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Lim Hock Seng berkata, bantuan seumpama itu bukan pertama kali diadakan di kawasan ini.

"Setiap tahun, mana-mana individu yang layak akan diberikan bantuan bagi meringankan beban terutamanya menjelang musim perayaan.

"Ia bukan hanya diberikan sempena sambutan Tahun Baru Cina, sebaliknya, setiap perayaan utama di negara ini seperti Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian sumbangan di sini baru-baru ini.

LIM Hock Seng (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan bahan makanan asas dan *ang pow* kepada salah seorang penerima pada majlis khas dianjurkan di sini baru-baru ini.

Pertandingan tawar hadiah RM8,000 dilanjut

PULAU TIKUS – Tarikh tutup penyertaan Pertandingan Mencipta Logo dan Tema Pulau Tikus dilanjutkan sehingga 28 Mac ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, pertandingan tersebut mendapat sambutan positif dan atas permintaan ramai, tarikh tutup penyertaan telah dilanjutkan sebulan lagi.

"Tarikh tutup dilanjutkan bagi memberi lebih masa kepada umum menghantar penyertaan terutama pelajar yang mempunyai idea segar dan kreativiti yang tinggi," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

YAP Soo Huey menunjukkan poster promosi Pertandingan Mencipta Logo dan Tema Pulau Tikus pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas Soo Huey, pertandingan berkaitan diadakan bagi mempromosi dan memberi identiti untuk Pulau Tikus, selain membuka peluang kepada orang awam menyumbang peranan masing-masing demi kelestarian Dewan Undangan Negeri (DUN) terbabit.

"Oleh demikian, saya ingin menyeru lebih banyak penyertaan terutamanya dalam kalangan pelajar dan penggiat seni untuk sama-sama menjayakan pertandingan yang julung kali diadakan ini," ujar beliau.

Pertandingan Mencipta Logo dan Tema Pulau Tikus manawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM8,000 membabitkan dua kategori iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Pelajar.

Pertandingan dianjurkan secara bersama Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Tikus dan Ken Ray Communications Sdn. Bhd. serta Kolej Equator itu akan diadili tujuh panel profesional termasuk Dato' Richard Jong (Pengarah *East Design Architect*), Alfred Yeoh (Pemilik Galeri, Kurator dan Artis Galeri a2) dan Joe Sidek (Pengarah Festival George Town).

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang *mypulautikus.org* atau hubungi talian talian 04 - 261 5116 atau 04 - 262 5117.

KN akan terus beri khidmat terbaik kepada rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

SERI DELIMA – Kerajaan Negeri akan terus komited meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan membabitkan perkhidmatan kepada rakyat tanpa mengira latar belakang agama, kaum dan usia.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Island Park di sini baru-baru ini.

"Kini, perayaan Tahun Baru Cina bukan sahaja disambut oleh masyarakat Tionghua, tetapi juga seluruh masyarakat sama ada Melayu mahupun India.

"Keharmonian inilah yang harus disanjung dan sebagai sebuah negeri, Kerajaan Negeri pastinya akan melakukan yang terbaik untuk rakyat Pulau Pinang," katanya di hadapan kira-kira 500 tetamu yang hadir.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan ADUN Padang Kota yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Bersempena sambutan tersebut, sejumlah 300 tanglung berwarna merah dinyalakan penduduk di Island Park sebagai simbolik tuah, keteguhan, keberanian dan kemegahan.

R.S.N. Rayer (kanan) membantu menghidangkan makanan kepada salah seorang pengunjung pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang diadakan di Dewan JKKK Island Park di sini baru-baru ini.

BEBERAPA pengunjung yang sempat merakam gambar kenangan pada majlis diadakan.

ADUN edar 1,000 rompi keselamatan percuma

JAWI – Sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dengan kerjasama syarikat automotif, Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. *(Continental)* mengedarkan sejumlah 1,000 pasang rompi keselamatan *(safety vest)* pemantul cahaya kepada para penunggang motosikal dan pengayuh basikal di pekan Nibong Tebal di sini.

SOON Lip Chee (tiga dari kiri) membantu salah seorang penunggang motosikal memakai rompi keselamatan pemantul cahaya pada sesi pengedarannya sempena Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di sini baru-baru ini.

Lip Chee ketika ditemui berkata, selain menggalakkan penunggang motosikal memakai topi keledar dengan betul, pemakaian rompi keselamatan pemantul cahaya juga penting bagi menjamin keselamatan terutama pada waktu malam.

"Setiap tahun, pelbagai kempen kesedaran keselamatan dijalankan bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai tentang aspek-aspek pematuhan undang-undang lalulintas terutama dalam kalangan pengguna jalan raya.

"Pastinya, fokus utama adalah penunggang dan pembonceng motosikal kerana mereka ini menjadi kumpulan terbesar yang menyumbang kepada jumlah kemalangan maut di jalan raya," katanya ketika hadir mengedarkan rompi keselamatan pada Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, beberapa Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) seperti Loh Joo Huat, H'ng Mooi Lye dan Rizal Hamid. Turut serta, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Nibong Tebal, Khaw Haw Thiew.

Tambah Lip Chee, syarikat Continental sudi menaja sehingga RM100,000 bagi menjayakan kempen keselamatan jalan raya di Nibong Tebal dan ia adalah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

"Saya harap orang ramai khususnya penunggang dan pembonceng motosikal sedar tentang keselamatan masing-masing dan sentiasa mematuhi arahan papan tanda atau arahan semasa yang diberikan," seru beliau.

JAWATANKUASA penganjur bergambar kenang-kenangan dengan Soon Lip Chee (empat dari kiri).

Majlis sumbangan rai golongan kurang mampu

MOHD. Tuah Ismail (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada salah seorang penerima bersempena Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina KADUN Pulau Betong di sini baru-baru ini.

SUMBANGAN PERAYAAN... Kira-kira 300 hadirin hadir memeriahkan Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Lebih bermakna, seramai 130 individu kurang mampu berketurunan Cina turut turut dipilih menerima sumbangan barangan keperluan sebagai persediaan menyambut perayaan berkaitan.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Bakhtiar Wan Cik.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan tarian singa selain hidangan makanan lazat tempatan seperti mee sotong, ais kacang, char keow teow dan lain-lain.

Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0

Sila isi butiran berikut:

Nama : _____

No. My Kid/ Kad Pengenalan: _____

Alamat: _____

_____

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: _____

No. Telefon : (Rumah) _____ (Bimbit) : _____

Emel: _____

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiah:

Pertama: RM200
Kedua: RM150
Ketiga: RM100
20 Hadiah Saguhati